

11 AUG 1998

DR MAHATHIR UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA JAFFAR HUSSEIN

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merakamkan takziah kepada keluarga bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Jaffar Hussein yang meninggal dunia di Kuala Lumpur hari ini.

"Kita berasa sedih kerana kita anggap dia sebagai seorang daripada gabenor bank yang begitu berjaya semasa dia memimpin bank," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir menyatakan demikian pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tertutup Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang di Menara Umno negeri di sini.

Dr Mahathir terdahulu itu merasmikan menara 21 tingkat itu.

Jaffar, Gabenor Bank Negara dari Jun 1985 hingga Mei 1994, meninggal dunia di Pusat Perubatan Subang Jaya pada 4.30 petang tadi setelah dimasukkan ke hospital itu sejak dua minggu lepas kerana pelbagai masalah kesihatan.

-- BERNAMA

AA MAI